

UiTM juara Masum 2009



KONTINJEN UiTM meraikan kemenangan mereka dalam Masum di UUM, baru-baru ini.

UNIVERSITI Teknologi Mara (UiTM) muncul juara Karnival Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) di kampus Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah, baru-baru ini.

Kejuaraan itu hasil kejayaan UiTM merangkul 39 pingat emas dan masing-masing 24 pingat perak dan gangsa sepanjang karnival.

Daripada 22 acara yang dipertandingkan bermula 14 Mei lalu

kontinjen UiTM muncul johan bagi kategori tenpin boling lelaki, futsal wanita, ping pong lelaki, tenis lelaki, tenis wanita, memamah wanita, pencak silat lelaki dan wanita, badminton lelaki dan wanita, ragbi 15, sofbol wanita, sepak takraw, skuasy lelaki dan wanita serta taekwando lelaki dan wanita.

Berada jauh di kedudukan kedua dengan jumlah pungutan 15 emas, 18

perak dan 13 gangsa adalah Universiti Malaya (UM) manakala Universiti Putra Malaysia (UPM) pula di tangga ketiga dengan 15 emas, 16 perak dan sembilan gangsa.

Sementara itu, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di tempat keempat dengan 15 emas, 13 perak dan 11 gangsa, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) merangkul sembilan emas, lima perak dan 14 gangsa.

Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dengan lima emas, sembilan perak dan 21 gangsa dan tuan rumah Universiti Utara Malaysia (UUM) di tangga ketujuh dengan empat emas, 10 perak dan 19 gangsa.

Hadiah kejuaraan itu disampaikan oleh oleh Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dr Hou Kok Chung pada majlis penutup di Dewan Mu'adzam Shah Kampus Sintok itu.

Hadir sama ialah Naib Canselor UUM, Tan Sri Dr. Nordin Kardi, Timbalan Pengerusi Masum, Dr. Shahrudin Abd. Aziz dan Pengarah Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar KPT, Prof. Dr. Mohd. Fauzi Ramlan.